

# JOM TENGOK WAYANG !!!

## Tayangan Amal Pendidikan Pencegahan Dadah “Qabil Qushri Qabil Igam”



**Tercetusnya** idea kreatif menggunakan medium filem sebagai kempen memerangi penyalahgunaan dadah di kalangan warga UniMAP dan masyarakat negeri Perlis, maka Program Tayangan Amal Pendidikan Pencegahan Dadah Qabil Kushri Qabil Igam (QKQI) telah berlangsung dengan jayanya pada 14 Mac yang lalu bertempat di Dewan Capitol UniMAP. Program ini merupakan anjuran bersama Sekretariat PEMADAM dan Jabatan Canselori UniMAP serta Sonata Film (M) Sdn Bhd selaku penerbit filem berkenaan. Sebanyak tiga slot tayangan telah dianjurkan bermula dengan tayangan pratonton di kalangan peserta program UniMAP Dekat Di Hati yang terdiri daripada kaunselor seluruh negeri Perlis. Slot tayangan kedua pula diserikan lagi dengan upacara perasmian dan tayangan pada waktu malam sebagai tayangan kemuncak di mana majoriti penontonnya terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP dan masyarakat negeri Perlis. Tayangan filem ini mengamalkan konsep menonton sambil beramal untuk mengisi tabung Kelab PEMADAM UniMAP.

Majlis Perasmian Tayangan Amal QKQI telah berlangsung dengan acara penuh gemilang dan telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin disaksikan oleh hampir 500 orang penonton yang terdiri daripada staf dan pelajar UniMAP serta jemputan-jemputan kehormat yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan Pusat Pengajian, Pengarah-pengarah Institusi Pendidikan serta pelajar-pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi di sekitar negeri Perlis seperti UiTM, Politeknik, ILP dan Kolej Komuniti. Cik Azlina Pa' Wan selaku Penulis dan Penerbit filem berkenaan turut hadir menyerikan lagi majlis dan serba sedikit berkongsi pengalaman dalam penulisan dan penghasilan filem tersebut. Sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan dan mendapat respon yang amat baik daripada para penonton berkenaan pengisian filem tersebut.